

Ismail Sabri: Amanah ini lebih besar

Ulm - 10/7/2021 mlr: 3

PUTRAJAYA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang memulakan tugasnya sebagai Timbalan Perdana Menteri semalam berjanji melakukan yang terbaik dalam melaksanakan tanggungjawab memimpin negara.

Sebagai pemimpin nombor dua dan diberi tugas membantu Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, beliau menyifatkannya sebagai satu amanah lebih besar yang perlu digalas demi rakyat dan negara dicintai.

“Pada hari Jumaat yang penuh barakah, saya memulakan tugas dengan menggalas amanah yang lebih besar demi rakyat Malaysia dan negara yang saya cintai. Insya-Allah, saya akan melakukan yang terbaik,” katanya semalam.

Terdahulu, Ismail Sabri yang juga Menteri Pertahanan memasuki Pejabat Timbalan Perdana Menteri di Perdana Putra, di sini bagi memulakan tugasnya.

Beliau tiba di pekarangan Kompleks Perdana Putra pada pukul 10 pagi dan disambut



ISMAIL Sabri Yaakob menandatangani Buku Selamat Datang sejourus tiba di pejabat Timbalan Perdana Menteri sambil diperhatikan oleh Mohd. Zuki Ali di bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali dan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri (JPM),

Datuk Jamil Rakon.

Sebagai simbolik memulakan tugas, beliau yang bersut biru mengimbas kad perakam

waktu sebelum memasuki pejabatnya di aras 4.

Ismail Sabri kemudian menandatangani Buku Selamat Datang, diikuti bacaan doa yang dipimpin Pegawai Integriti JPM, Muhd. Redza Ahmad.

Sebelum itu, beliau berkesempatan menemui pemberita di luar pekarangan Kompleks Perdana Putra dan menyatakan jadual hariannya akan sibuk.

“Hari ini akan sibuk, pagi dan petang,” katanya ringkas yang kemudian menghadiri Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) secara maya bersama Perdana Menteri.

Rabu lalu, Perdana Menteri mengumumkan pelantikan Ismail Sabri, 61, sebagai Timbalan Perdana Menteri dan kekal memegang portfolio Menteri Pertahanan bagi membantu menguruskan pentadbiran negara.

Dalam masa yang sama, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dilantik sebagai Menteri Kanan Luar dan akan mengetuai Kluster Keselamatan.